

Siri Kebudayaan Kita

**Adat Perpatih
dan Adat Istiadat
Masyarakat
Malaysia**

Haji Mohtar bin H. Md. Dom

KAT
DS
594
N63
J.5

**Adat Perpatih
dan Adat Istiadat
Masyarakat
Malaysia**

Siri Kebudayaan Kita

Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia

Haji Mohhtar bin H. Md. Dom

P1



00000372239



FEDERAL PUBLICATIONS

Kuala Lumpur • Singapore • Hong Kong

Prakata

Penyelidikan telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu tebal dan kukuh dengan kepercayaan mereka, adat resam mereka, permainan-permainan asli mereka, tarian-tarian mereka dan berbagai-bagai lagi. Sejarah telah menunjukkan bahawa adat resam Melayu ini dibawa mula-mulanya dari Tanah Hindi (India), dan seterusnya dengan kedatangan ugama Islam ke rantau ini, adat resam ini, dipengaruhi pula oleh Islam.

Sedikit demi sedikit, diperhatikan dengan peredaran zaman, dan pengaruh sains dan teknologi dari Barat, jenis-jenis tahyul, kecenderungan kepada bomoh dan lain-lain lagi ini semakin menghilang. Kalau pun diketahui atau disimpan lagi, unsur-unsur begini masih terdapat di dalam kajian ilmiah atau akademik di Universiti-Universiti dan di Maktab-Maktab, atau lain-lain Institusi.

Di peringkat Maktab Perguruan Bahasa, umpamanya, kajian bercorak akademik begini memang terus-menerus dibuat, dan hasilnya adalah kadang-kadang menakjubkan. Oleh sebab di-khuatiri bahawa pada suatu masa kelak, kiranya usaha-usaha untuk mengekalkan pengetahuan tentang hal-hal ini tidak dibuat, hal-hal ini akan luput, maka sekarang ini dipersembahkan untuk pembacaan umum segala unsur yang berkaitan di dalam beberapa buah buku yang bersiri.

Siri buku-buku ini akan mengandungi antara lain:

1. Tahyul dan Kepercayaan
2. Bomoh dan Hantu
3. Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu
4. Kepercayaan dan Pantang-Larang
5. Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia.

Apa-apa yang terkandung di dalam siri buku-buku ini adalah dihidangkan untuk bacaan umum di dalam masa lapang. Sungguhpun ianya bercorak ilmiah tetapi ringan untuk dibaca. Bagi pembaca kaum Melayu, adalah diharapkan supaya mereka dapat mengingati semula apa yang telah diikuti oleh orang-orang Melayu turun-temurun. Bagi pembaca yang bukan Melayu,

adalah diharapkan, setelah membaca tiap-tiap satu buku itu, mereka akan lebih faham serta insaf akan adat resam orang-orang Melayu dan dengan itu lebih bersefahaman dengan saudara-saudara mereka kaum Melayu.

Kandungan siri buku-buku ini adalah hasil penyelidikan yang rapi, dibuat mengikut daerah dan negeri di Malaysia ini. Sebagai Ketua, Jabatan Pengajian Melayu, di Maktab Perguruan Bahasa ini, selama lebih 16 tahun, saya berpeluang menyemak dan menyelidik sendiri unsur-unsur seperti yang dijelaskan di dalam tiap-tiap satu buku ini.

Maktab Perguruan Bahasa,
Lembah Pantai,
Kuala Lumpur.
9hb. April, 1977

PENGARANG

Kandungan

1. Adat Perpatih	1
2. Pelbagai Cerita Dari Negeri Sembilan	32
3. Adat Istiadat Masyarakat Malaysia	45

Sekapur Sirih

Di dalam masyarakat Melayu di Semenanjung Malaysia ghalibnya terdapat dua jenis adat yang menjadi pegangan hidup dan panduan bagi mereka. Manakala rata-rata di negeri-negeri Melayu, seperti Perak, Johor, Pahang dan sebagainya, orang-orang Melayu berpegang teguh kepada Adat Temenggung, di Negeri Sembilan pula, orang-orang Melayu di sana masih, sehingga kini, kuat lagi mematuhi Adat Perpatih.

Walaupun Adat Temenggung dipakai banyaknya menurut ajaran-ajaran ugama Islam, namun masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang semuanya Islam juga, tetap dengan Adat Perpatih mereka, dengan sedikit ubahsuai di sana sini supaya tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Di dalam buku ini diterangkan sedapat-dapatnya akan Adat itu serta Cerita-cerita yang dikumpulkan mengenai Negeri Sembilan. Moga-moga dengan penjelasan ringkas yang terkandung di dalam buku ini, dapat pula sidang pembaca membandingkan Adat Perpatih itu dengan setengah-setengah Adat Masyarakat lain di Malaysia.

Sebagai umum diketahui, satu-satu adat itu, kecil atau besar, adalah kuat pengaruhnya di dalam kehidupan masyarakat itu. Pada banyak masa dan tempatnya, adat itu dianggap sebagai undang-undang kecil oleh masyarakat itu sendiri. Hal ini nyata benar-benar bagi masyarakat Melayu di Negeri Sembilan, terhadap Adat Perpatih mereka.

PENGARANG

Naning dan di Negeri Sembilan. Mereka menetap sampai beranak-pinak bercucu-cicit hinggalah sekarang. Mereka ini dahulu amat taat kepada peraturan dan undang-undang yang dipakai di negeri asal mereka. Disebabkan hal ini mereka bersungguh-sungguh mengekalkan supaya undang-undang itu dipakai di negeri mereka yang baru itu. Sabab itulah sampai sekarang keturunan orang-orang Minangkabau di Naning dan di Negeri Sembilan masih patuh kepada peraturan dan undang-undang Adat Perpatih. Mereka berpendapat perlembagaan negeri mesti di pertahankan. Keadaan ini jelas kita lihat dari kata-kata berikut:

Biar mati anak asalkan jangan mati adat.

Adat ini dikenali dengan nama Adat Perpatih kerana mengambil sempena nama orang yang telah menyusun dan membuat peraturan adat ini.

Orang itu ialah Datuk Perpatih. Beliau juga dikenali dengan nama Nenek Perpatih dan Datuk Perpatih Nan Sebatang. Menurut ceritanya di Minangkabau ada dua orang adik-beradik yang seibu tetapi berlainan bapa. Kedua adik-beradik itu ialah Datuk Temenggung atau Datuk Ketemenggungan (saudara tua) dan Datuk Perpatih. Mereka telah mewarisi pusaka memerintah negeri Minangkabau. Keduanya dikatakan cerdik pandai lagi arif, akan tetapi Datuk Perpatih dikatakan lebih bijak dari abangnya. Ini dapat dilihat dari kata-kata di bawah ini:

*Siapa cerdik bijaksana,
Pertama Datuk Perpatih,
Kedua Datuk Temenggung,
Yang mengetahui jalan dua terepar.*

*Nenek Perpatih Nan Sebatang,
Pandai melukis cupak dan gantang,
Ulaslah tenun yang terentang,
Penolak buatan dagang.*

Bagi Datuk Temenggung beliau lebih mengutamakan cara pemerintahan dari atas sedangkan Datuk Perpatih amat mementingkan cara pemerintahan dari bawah. Datuk Temenggung lebih suka memerintah dengan bertitah, tetapi Datuk Perpatih lebih suka memerintah dengan berunding. Jadi jelaslah cara pentadbiran dan pemerintahan yang dijalankan oleh Datuk Temenggung dan Datuk

Perpatih amat bertentangan. Datuk Temenggung tetap berpegang teguh kepada peraturan lama dalam membahagi-bahagikan harta pusaka, dengan lelaki lebih banyak mendapat bahagian daripada perempuan, sedangkan Datuk Perpatih menyerahkan segala pusaka kepada anak-anak perempuan sahaja.

Dalam soal jenayah Datuk Temenggung berkata:

*Siapa menjala siapa terjun,
Siapa berhutang siapa membayar,
Siapa salah siapa bertimbang,
Siapa membunuh siapa kena bunuh.*

Tetapi bagi Datuk Perpatih beliau mengatakan:

*Hutang nan berturut,
Cagar nan bergadai,
Cincang pampas,
Bunuh beri balas,
Salah bertimbang,
Sah hutang dibayar,
Sah piutang diterima,
Sesat di hujung jalan,
Balik ke pangkal jalan.*

Bagi Datuk Temenggung setiap orang yang melakukan kesalahan mestilah dihukum dengan sewajarnya. Tetapi bagi Datuk Perpatih mengatakan kesalahan yang mesti diperbaiki dengan adil dan saksama dan dengan penuh teliti.

Disebabkan oleh pertentangan sikap p⁴endirian inilah mereka berdua sentiasa berselisih faham hingga negeri Minangkabau terpaksa dibahagi dua; Datuk Temenggung berkuasa di bahagian pesisir dan Datuk Perpatih memerintah di sebelah barat. Hingga ke hari ini cara pemerintahan Datuk Temenggung dikenali dengan nama Adat Temenggung dan cara pemerintahan Datuk Perpatih dikelani dengan nama Adat Perpatih.

Di dalam Adat Perpatih mereka melazimkan hidup bersuku-suku. Perkataan suku itu bererti keluarga atau kaum. Di awal semasa Adat Perpatih ini mula-mula disusun penduduk Minangkabau terpaksa dibahagikan kepada empat kumpulan ataupun pecahan. Pecahan itu ialah Bodi, Caniago, Koto dan Piliang. Tiap-tiap satu

dari empat pecahan itu dipanggil suku dan empat suku inilah yang merupakan suku-suku asal Minangkabau.

Setiap suku pula mempunyai nama sukunya masing-masing dan satu-satu Suku itu memanglah merupakan satu ikatan besar orang-orang yang sedarah sedaging (merupakan satu keluarga). Tegasnya semua orang yang sesuku itu hidup sebagai adik-beradik antara satu dengan yang lain. Keturunan satu-satu suku mesti disusur-galur dari titisan sebelah ibu. Ini bererti seseorang tidak menjadi turunan ayahnya, tetapi ia tetap menjadi turunan ibunya.

Sekarang nama suku-suku yang dipakai dalam Negeri Sembilan dan Naning ada dua belas, seperti diterangkan di dalam gurindam di bawah ini:

*Raja beralam,
Penghulu berluak,
Lembaga berlingkungan,
Buapak beranak buah,
Anak buah duduk bersuku-suku,
Berapa sukunya?
Dua belas!*

Suku-suku yang dua belas itu ialah:

- 1) Biduanda (Dondo) atau Waris (Wareh)
- 2) Batu Hampar (Tu-ampar)
- 3) Paya Kumbuh (Payo Kumboh)
- 4) Mungkal
- 5) Tiga Nenek (Tigo Nenek)
- 6) Seri Melenggang (Somolenggang)
- 7) Seri Lemak (Solomak)
- 8) Batu Belang (Tu Belang)
- 9) Tanah Datar (Tolatar)
- 10) Anak Aceh (Nak Cheh)
- 11) Anak Melaka (Nak Molako)
- 12) Tiga Batu (Tigo Batu)

Oleh yang demikian setiap orang dalam masyarakat Adat Perpatih bukan sahaja dikenal dari namanya dan dari nama ibubapanya, tapi juga oleh nama sukunya. Dengan menyebutkan nama suku tahulah mereka samada mereka mempunyai pertalian darah atau tidak dengan orang yang ditemui.

Satu-satu suku itu dipecahkan kepada beberapa bahagian kecil yang dipanggil “Perut” dan seterusnya tiap-tiap satu Perut dipecahkan lagi kepada “Ruang” dan setiap Ruang dipecahkan lagi kepada “Rumpun”.

Setiap pecahan dalam setiap suku itu mempunyai kampung yang tersendiri. Kampung ini kadang-kadang dikenali dengan nama “Tanah Lingkungan”, “Tanah Telapakan” dan “Teratak”.

Rumpun dan Ruang merupakan pecahan-pecahan yang terkecil daripada Perut. Setiap Perut dalam satu-satu suku itu mempunyai ketua masing-masing yang bergelar “Buapak” dan setiap anggota dalam Perut dikenali sebagai “Anak Buah”. Seorang Buapak itu bertanggungjawab terhadap segala persoalan pentadbiran dan pemerintahan dalam Perutnya, dan boleh dikatakan Buapaklah yang memerintah dalam Perut. Beliau dipilih atau dilantik oleh anak-anak buah dalam Perutnya sendiri, menurut persetujuan ramai.

Kesemua Perut-Perut itu pula digabungkan ke dalam satu ikatan yang lebih besar yang dikenali sebagai Suku. Bagi setiap Suku pula mempunyai ketuanya sendiri yang bergelar “Lembaga”. Lembaga inilah yang bertanggungjawab terhadap segala hal yang berlaku dalam Perut-Perut yang bergabung dalam Suku itu. Oleh itu jelaslah setiap Buapak bertanggungjawab terhadap pentadbiran dalam Perutnya, sementara Lembaga bertanggungjawab terhadap segala perkara yang berlaku dalam Suku pada keseluruhannya. Lembaga juga dipilih dan dilantik oleh anak-anak buah menerusi Buapak-Buapak mereka. Susur-galur pentadbiran ini dapat dilihat daripada kata kata: *Lembaga berlingkungan, Buapak beranak buah, anak buah duduk bersuku-suku.*

Perbilangan Adat Perpatih pula menetapkan setiap pemimpin yang dilantik itu boleh dipecat, jika dikehendaki oleh anak buah. Sebab kata adat “Yang dilantik boleh dipecat.”

Disebabkan setiap Suku merupakan satu ikatan keluarga mereka membiasakan kehidupan seperti adik-beradik dan anak beranak. Mereka mesti bantu membantu, tolong menolong antara satu sama lain.

Pada dasarnya setiap kerja yang hendak dijalankan oleh seseorang mestilah dilakukan atas nama keluarga atau Suku. Sekiranya kerja yang dilakukan mendatangkan faedah dan kebajikan, maka faedah

itu dirasakan bersama, begitulah juga sebaliknya. Adat Perpatih juga tidak mengizinkan seseorang itu hidup mementingkan diri sendiri.

*Kalau godang (besar) jangan melanda (melanggar)
jika cerdik janganlah menipu*

Adat Perpatih juga tidak membolehkan seseorang menyingkirkan diri daripada Suku dan masyarakatnya.

*Sejak berduku, berkelapa,
Pandan tidak panjang lagi,
Sejak bersuku berkepala,
Badan nan tidak senang lagi*

Jika seseorang itu ditimpa kesusahan maka wajib bagi Sukunya mengambil berat terhadapnya, dan jika seorang itu mendapat kesenangan, ia akan menyenangkan Sukunya juga. Bagi yang melakukan kesalahan pula, adalah menjadi kewajiban Sukunya mengambil tindakan, kerana setiap kesalahan yang dilakukan itu akan melibatkan Sukunya. Mereka memegang konsep “Bak telur sesangkar, pecah sebuah pecah semuanya” — binasa seorang binasa semua dalam Suku.

Mereka yang seSuku itu dikatakan juga hidup seperti orang yang “sehalaman sepermainan, seperiği sepermandian, sejamban seperulangan.” Taraf mereka sama antara satu sama lain “Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.” Hidup bekerjasama antara satu sama lain — “Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing; bukit sama didaki, lurah sama dituruni; hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.” Mereka mesti menolong kaumnya yang ditimpa kesusahan — “Hanyut dipintasi, lemas diselami, hilang dicari.”

Seperti juga dengan yang lain penganut Adat Perpatih dibahagikan kepada daerah-daerah yang tertentu. Tiap-tiap daerah itu dikenali dengan nama Luak atau Luhak. Naning dalam negeri Melaka, Rembau, Johol, Jelevu dan Sungai Udang dalam Negeri Sembilan dipanggil Luak.

Setiap Luak mempunyai datuk penghulunya sendiri biasanya mereka memakai gelaran “Undang”. Undang atau dato’ penghulu ialah orang yang memerintah di seluruh Luak. Kedudukan seorang Undang dalam Luaknya tidaklah ubah seperti raja dalam negerinya. Luak adalah merupakan satu ikatan persekutuan antara Suku-Suku

yang sebangsa dan setanahair. Dato' Penghulu atau Undang dipilih daripada anggota suku yang khas memerintah dalam Luak. Disebabkan inilah hanya satu Suku yang tertentu sahaja boleh memerintah dalam satu-satu Luak kerana nenek moyang Suku itulah yang mula-mula meneroka dan membuka Luak itu.

Pemilihan seorang Undang, pada mulanya mesti dijalankan oleh Buapak dan Lembaga dalam Sukunya sendiri. Perlantikan itu seterusnya mestilah diperkenankan oleh para Lembaga dari Suku-Suku yang bersekutu dalam Luak. Lembaga dan Wakil dari Suku itulah yang memberi keputusan muktamad samada seseorang itu diterima atau tidak menjadi Undang.

Seperti Lembaga dan Buapak, Undang juga boleh dipecat. Menurut adat seorang Undang mesti memerintah dengan "bersabda di Balai". Balai yang dimaksudkan ialah tempat berunding. Tegasnya Undang mestilah menjalankan pentadbiran Luaknya secara berunding dengan Lembaga-Lembaga di dalam Luak.

Oleh kerana orang yang sama Suku merupakan orang yang sekeluarga maka tidaklah dibolehkan seorang itu kahwin dalam Sukunya sendiri. Ini akan dianggap sebagai kahwin adik-beradik, dan menjadi satu kesalahan yang amat besar kalau didapati berlaku perkahwinan dalam Sukunya sendiri. Disebabkan hal ini anak-anak buah terpaksa berkahwin keluar daripada Suku, atau lebih tepat lagi berkahwin dengan orang dari Suku yang lain.

Apabila seorang lelaki berkahwin ia terpaksa tinggal bersama isterinya, dan bercampur gaul dengan orang-orang dalam Suku isterinya. Ia akan dikenali sebagai "Orang Semenda" dan orang dari Suku isterinya dikenali sebagai "Orang-orang Tempat Semenda." (Orang Semenda boleh disifatkan sebagai ipar atau menantu kepada "Orang-orang Tempat Semenda").

Jadi yang dimaksudkan dengan "Semenda Bersemenda" itu tidaklah lain daripada "Kahwin berkahwin". Itulah yang dikatakan oleh Adat Perpatih "Orang Semenda bertempat Semenda" – iaitu Orang yang berkahwin mempunyai tempat berkahwin. Kesemua orang Semenda dalam satu-satu Suku dikenali sebagai "Resam".

Resam atau orang Semenda tidak berhak mencampuri perkara-perkara besar yang terbit dalam Suku tempat mereka Bersemenda. Kedudukan orang Semenda diibaratkan seperti "mentimun dengan

durian". Disebaliknya pula tidaklah boleh diertikan bahawa orang Semenda itu tidak mendapat penghargaan diri, kerana Adat Perpatih juga menghendaki orang Semenda itu sentiasa dihormati dan dihargai:

Orang Semenda di tempat Semenda,

*Jika cerdik teman berunding,
jika bodoh disuruh arah,
tinggi banir tempat berlindung,
rimbun daun tempat bernaung,
disuruh pergi dipanggil datang,
yang buta disuruh menghembus lesung,
yang patah disuruh menunggu jemuran,
yang pekak disuruh mencucuh meriam,
yang berani dibuat kepala lawan,
kalau kaya hendakkan emasnya,
kalau mualim hendakkan doanya.*

Tegasnya tiap-tiap orang Semenda tidaklah diketepikan langsung. Seorang lelaki tidak dibolehkan berkahwin dengan dua orang perempuan yang sama Suku kerana ini dianggap memadukan dua orang perempuan yang adik-beradik. Bila seorang lelaki bercerai ia akan dijemput pulang ke Sukunya, begitu jugalah jika isterinya meninggal dunia. Tegasnya bila seorang lelaki sudah bercerai atau isterinya meninggal dunia, ia tidak lagi berhak tinggal di tempat Semendanya.

Pertalian Antara Suku-Suku

Seperti yang diceritakan dalam bab yang lepas Adat Perpatih tidak membenarkan kahwin dalam Sukunya sendiri; dengan itu berlakulah perkahwinan antara Suku-Suku dalam sesebuah Luak. Seperkara yang perlu dilihat di sini ialah Resam atau orang Semenda adalah terdiri dari anak-anak buah kepada Suku yang sebelas lagi di dalam Luak. Walaupun seorang anak itu menjadi anak-buah kepada Suku ibunya, namun ia juga mempunyai hubungan erat dengan Suku bapanya.

Dengan pertalian seperti ini tentulah ujud perasaan hormat menghormati antara Suku yang Bersemenda Menyemenda. Seperti yang diadatkan dalam Adat Perpatih —

*Dalam alam rajanya,
dalam Luak penghulunya,
dalam Suku lembaganya,
berumpuk masing-masing,
berhak seorang satu,
harta orang jangan ditarik,
untuk kita jangan diberikan,
duduk berpelantaran,
dekat rumah, dekat kampung,
boleh pinta meminta,
sakit pening jenguk menjenguk.*

Tambahan pula setiap orang Semenda di tempat Semendanya, haruslah berbudi bahasa seperti kata Adat –

*Bila Bersemenda di mana-mana Suku,
sahlah kata adat,
air orang disauk,
ranting orang dipatah,
adat orang diturut,
di mana bumi dipijak,
di situlah langit dijunjung,
masuk kandang kerbau menguak,
masuk kandang kambing membebek,
bagaimana adat tempat Bersemenda, dipakailah.*

Dengan adanya kerjasama dan gotong-royong antara satu dengan lain, ketenteraman dalam sebuah Suku akan dapat berjalan dengan baik.

*Tegak bersaudara saudara dipertahankan
tegak berkampung kampung dipertahankan,
tegak bersuku suku dipertahankan,
tegak bernegeri negeri dipertahankan,
tegak berbangsa bangsa dipertahankan.*

Adat Perpatih membenarkan Satu-Satu Kelamin mengambil anak angkat dari luar Suku untuk dijadikan anak sendiri. Perbuatan mengambil anak angkat ini dikenali dengan nama “Mengedimkan Budak”.

Bila satu kelamin hendak mengambil seorang anak angkat dari luar Suku, maka kelamin itu mesti mendapatkan persetujuan dari-

pada Suku si isteri. Sesudah Suku itu mengizinkan, Lembaganya pula berunding dengan Lembaga kepada Suku yang rela memberikan anak buahnya untuk diberikan kepada kelamin tersebut.

Setelah kedua belah pihak bersetuju barulah anak angkat itu boleh diterima, dan pengambilannya akan disahkan oleh Suku itu dengan dijalankan istiadat. Upacara inilah yang dikatakan "Istiadat Berkedim" atau "Istiadat mengedimkan budak." Bila seorang anak angkat itu sudah dikedimkan ia tidak lagi berhak dalam Suku asalnya dan putuslah pertalian dengan Suku tersebut. Sebaliknya ia akan tinggal dengan Suku yang mengedimkannya dan berhaklah ia seperti anak-anak buah biasa. Tetapi bila ia dewasa ia tidak di-bolehkan berkahwin dengan orang dari Suku asalnya. Untuk menjauhkannya ia ditentukan kahwin atau Bersemenda dalam Suku yang lain.

Sebenarnya istilah Kedim bermakna bersaudara; jadi upacara "Mengedimkan Budak" tidak lain daripada "Mengaku Saudara". Perbuatan seperti ini merupakan perkara biasa sewaktu negeri mula-mula dibuka yang bertujuan untuk menambahkan bilangan penduduk.

Oleh sebab itulah orang Minangkabau di Luak-Luak di Naning dan di Negeri Sembilan biasa berbuat demikian; tambahan pula orang-orang dagang itu kebanyakannya terdiri dari orang Minangkabau juga. Orang Minangkabau memang terkenal sebagai bangsa yang suka merantau, adat dan masyarakatnya sentiasa menyuruh mencari "Induk Semang" di rantau.

*Kalau jadi pergi ke pekan,
yu beli belanak pun beli,
ikan parang beli dahulu
kalau jadi engkau berjalan,
ibu cari sanak pun cari,
Induk Semang cari dahulu."*

Biasanya bila seorang dagang itu sudah diterima atau sudah dikedimkan oleh sesuatu Suku ia tidak boleh mewarisi pusaka-pusaka besar seperti menjadi Buapak dan Lembaga.

Masyarakat Adat Perpatih mestilah berdiri di atas keadilan — "Kalau godang jangan melanda, kalau cerdik jangan menipu."

Tetapi ada sebuah pantun adat yang berbunyi demikian:

*Kertas mari di surat,
disurat orang dengan pisau,
Di Aceh rajanya sedaulat,
di darat rajanya Minangkabau.*

Pantun ini sebenarnya memberikan gambaran perbezaan cara pemerintahan di negeri Aceh dan di negeri Minangkabau. Darat yang dimaksudkan oleh pantun ialah negeri Minangkabau, yang terletak di sebelah darat negeri Aceh.

Di negeri Aceh rajanya memerintah dengan penuh kekuasaan, hitam kata raja tidak seorang pun yang berani berkata putih. Akan tetapi di negeri sebelah darat iaitu negeri Minangkabau, orang yang berkuasa ialah rakyat Minangkabau sendiri. Kerana perlembagaan Adat Perpatih mewajibkan pemerintahan dari bawah dan dengan cara berunding. Semua anggota dalam masyarakat Adat Perpatih mestilah mengutamakan kepentingan bersama:

*Adat saudara saudara dipertahankan ^{minangkabau}
adat berkampung kampung dipertahankan
adat bersuku suku dipertahankan
adat bernegeri negeri dipertahankan
adat berbangsa bangsa dipertahankan
sandar bersandar,
seperti aur dengan tebing.*

Seterusnya Adat Perpatih mengatakan:

*Jika khabar baik diberitahu
jika khabar buruk serentak didatangi,
jika jauh ingat mengingati
jika dekat temu menemui.*

Masyarakat Adat Perpatih mengutamakan keadilan kerana menyedari betapa buruknya akibat jika tidak adanya keadilan.

*Cincin bernama Genta Sori,
Sesuai sahaja pada kelingking,
Hilang percaya anak negeri,
Kalau kata dan kerja tidak seiring.*

Walaupun didapati kekuasaan dalam Adat Perpatih bertingkat-tingkat tetapi pada hakikatnya adalah adil kerana semua pemimpin itu boleh dipecat. Penghulu boleh dipecat oleh Lembaga, Lembaga boleh dipecat oleh Buapak, Buapak boleh dipecat oleh anak buah. Adat Perpatih ada mengatakan:

*Anak buah yang mengangkat Buapak,
Buapak yang mengangkat Lembaga,
Lembaga yang mengangkat Penghulu.*

Anak buah menyuruh Buapak menjalankan kehendak mereka, Buapak menyampaikan kepada Lembaga, dan Lembaga menyembahkannya kepada Penghulu/Undang.



Perbilangan Adat Perpatih ada mengatakan:

*Anak-buah nan berbuapak
Suku nan berlembaga
Luak nan berpenghulu,
jika negeri diberi beraja.*

Tetapi kedudukan seorang raja dalam masyarakat Adat Perpatih adalah berlainan keadaannya dengan kedudukan raja-raja dalam negeri-negeri lain. Naning yang masih berpegang teguh dengan Adat Perpatih, tetap mempunyai datuk penghulunya iaitu Datuk Naning. Tetapi ini tidak pula demikian halnya di kalangan orang Minangkabau yang di Rembau dan di Luak-Luak yang lain di Negeri Sembilan. Kerana ada perbilangan di kalangan mereka:

*Beraja ke Johor,
bertali ke Siak,
bertuan ke Minangkabau.*

Orang Minangkabau yang di Rembau ada mengundang seorang Pagar Ruyung di Minangkabau untuk menetap di Negeri

Sembilan, dengan diberi kuasa penuh dalam lingkungan yang di-
khaskan, iaitu di Seri Menanti dalam daerah Kuala Pilah (Luak Ulu
Muar). Raja itu menyandang gelaran Yamtuan Seri Menanti. Dengan
itu terdapat pula perbilangan dalam Luak Rembau yang menga-
takan "Raja itu tiada bernegeri". Tetapi Raja ini tidak berkuasa ke
atas mana-mana Luak dalam Negeri Sembilan kecuali di Seri
Menanti. Ini disebabkan masing-masing Luak sudah mempunyai
pentadbiran sendiri di bawah pimpinan Undang atau Dato' Peng-
hulu.

Dalam Adat Perpatih segala kuasa terserah kepada penghulu-
penghulu Luak dengan tampuk kekuasaan di pegang oleh "Besar
Empat Balai". Bila kerajaan British memaksa Luak-Luak mengakui
Yamtuan Seri Menanti sebagai Yamtuan bagi seluruh Negeri Sem-
bilan, maka diperlembagakan supaya Yamtuan itu memerintah
bersama dengan "Undang Yang Empat" iaitu Undang Sungai Ujong,
Jelebu, Johol dan Rembau. Hingga sekarang Yamtuan itu tidak
dibolehkan mencampuri hal-hal dalam Luak-Luak yang di bawah
pimpinan Undang Yang Empat.

Perlantikan seorang Yamtuan mesti disahkan oleh Undang Yang
Empat, dan Yamtuan ini juga tidak boleh menyelenggarakan
sesuatu yang resmi untuk negeri tanpa izin dari Undang Yang
Empat.

Setiap Buapak, Lembaga atau Penghulu adalah dilantik menurut
kemahuan ramai. Pemimpin itu hendaklah sentiasa adil dalam segala
hal. Seorang pemimpin itu diibaratkan;

*Air yang jernih,
tempurung yang ceper,
seperti pohon di tengah padang,
uratnya tempat bersela,
batangnya tempat bersandar,
dahannya tempat bergantung,
buahnya untuk dimakan,
daunnya untuk berindung.*

Pemimpin itu hendaklah menjalankan kekuasaan dengan cara
"menghilangkan yang buruk, menimbulkan yang baik". Dalam
menyelesaikan sesuatu masalah pemimpin hendaklah mengingat

petua — “Tidak ada kusut yang tidak boleh diselesaikan; tidak ada keruh yang tidak dapat dijernihkan.”

Pemimpin itu juga janganlah berlaku curang dan berat sebelah — “Tiba di perut dikempiskan, tiba di mata dipicingkan, tiba di dada dibusungkan”. Setiap pemimpin hendaklah sentiasa sedar bahawa pemimpin itu biasanya mendapat umpat dan keji:

*Ke kanan jalan ke Kurai,
satu simpang ke Empat Angkat,
kalau benar penghulu bagaikan lantai,
kalau berpijak jangan menjungkit,
teluk biasa timbunan kapal,
lurah biasa timbunan air,
bukit biasa timbunan kabut,
pemimpin biasa mendapat umpat.”*

Seorang pemimpin hendaklah sentiasa tidak menghiraukan segala umpat dan keji dan anggaplah semua itu sebagai penawar —

*Gunting dari Empat Angkat,
dibawa orang Mandiingin,
dipinjam orang ke Biara,
kalau datang persoalan dan umpat,
anggaplah sebagai penawar,
demikianlah pemimpin yang sebenar.*

Menurut Adat Perpatih harta dibahagikan kepada dua jenis —

- 1) Harta pesaka,
- 2) Harta carian.

Bagi harta pusaka pula dibahagikan kepada dua jenis lagi —

- 1) Pesaka benar.
- 2) Pesaka sendiri.

Yang dimaksudkan pesaka benar termasuklah tanah-tanah sawah, dusun dan ladang serta rumah yang diwarisi turun-temurun. Pesaka sendiri ialah segala jenis harta benda yang diwarisi oleh anak daripada orang tuanya. Semua pesaka benar seperti sawah, rumah ladang diturunkan kepada anak perempuan sahaja. Dan sekiranya seorang perempuan yang meninggal dunia tidak mempunyai anak perempuan, maka segala harta pesaka terserah kepada Perut dan Sukunya. Biasanya harta tersebut diserahkan kepada saudara perempuan yang terdekat kepada si mati.

Tetapi tidak demikian dibuat kepada harta sendiri, seperti barang-barang kemas, keris, tombak, lembing dan lain-lain lagi diberikan kepada anak lelaki. Semuanya tidak dianggap sebagai harta pesaka; dikatakan sebagai “Cendorong Mata” sahaja.

Berhubung dengan harta carian Adat Perpatih juga dibahagikan kepada dua jenis –

- 1) Harta carian suami isteri sesudah berkahwin.
- 2) Harta carian bujang.

Mengenai harta carian Adat Perpatih mengatakan –

*Suarang diagih,
sekutu dibelah.”*

atau *Carian dibahagi,
dapatan tinggal,
pembawaan kembali.*

Peraturan ini dikuatkuasakan apabila pasangan suami isteri bercerai atau salah seorang daripadanya meninggal dunia. “Suarang” ertinya harta yang dimiliki bersama (carian bersama) sementara sekutu ialah harta pembawaan.

Dalam perbilangan yang kedua, “carian” ialah harta carian bersama; “dapatan” ialah harta pesaka, dan pembawaan ialah harta pembawaan.

Bila seorang isteri meninggal dunia harta carian akan berpindah kepada anak perempuan, tetapi bila si suami yang meninggal dunia harta carian itu terserah kepada isterinya untuk dibahagikan kepada anak perempuan. Jika suami isteri itu tidak mempunyai anak harta itu dibahagikan antara balu (si isteri atau suami yang tinggal) dengan keluarga si mati, dan jika pasangan suami isteri yang bercerai hidup harta carian akan dibahagikan antara kedua belah pihak. Mengenai harta carian bujang, bila si suami meninggal dunia harta tersebut hendaklah dikembalikan kepada ibu atau Sukunya.

Dalam masyarakat Adat Perpatih seseorang itu boleh menggadaikan harta dengan memberikan sebab dan alasan yang memuaskan. Tetapi perbuatan itu mesti dilakukan di kalangan Perut dan Suku sahaja. Semuanya ini disebabkan oleh kerana Adat Perpatih menganggap segala harta pusaka sebagai milik bersama. Malah

sampai sekarang pengikut Adat Perpatih masih memiliki sawah dan kampung yang khas baginya sahaja.

Demikian juga dengan jawatan Buapak, Lembaga dan Undang kesemuanya dianggap sebagai Pusaka Godang (Pusaka Besar), adalah menjadi milik bersama dalam Perut dan Suku.

Bagi orang-orang yang bukan anak negeri Sembilan tentu sukar mengerti susunan masyarakat Adat Perpatih yang terdapat di Negeri Sembilan. Di bawah ini diterangkan dengan ringkas tentang susunannya.

Negeri Sembilan terbahagi kepada Luak-Luak atau daerah. Ketua di dalam Luak-Luak ini ialah "Undang". Sesudah Undang ini terdapat pula "Lembaga-Lembaga" iaitu Kepala atau Ketua bagi Suku-Suku. Tiap-tiap Suku dibahagikan pula kepada "Perut". Ketua sesuatu Perut dipanggil "Buapak" (ibubapa).

Harta pesaka semuanya turun kepada anak-anak perempuan.

Di dalam Adat Perpatih anggota dari sesuatu Suku tidak boleh kahwin dengan anggota dari Suku yang sama itu juga.

Demikianlah serba sedikit susunan adat orang-orang yang menganut Adat Perpatih di Negeri Sembilan.

Harta Persaka Kepada Anak Perempuan

Dalam Adat Perpatih harta pesaka dianggap harta yang paling murni. Ia adalah milik yang turun-temurun melalui lengkongan keluarga tertentu. Dengan itu, ia tidak boleh dibahagi-bahagikan secara berleluasa apa lagi untuk digadaikan atau dijual. Ini adalah disebabkan harta tersebut rapat kedudukannya dengan pengawasan waris, Buapak dan Lembaga si pemiliknya.

Harta jenis ini umumnya berbentuk tanah kampung, rumah, tanah sawah, dusun dan ladang yang diterima dari satu keturunan ke satu keturunan dalam perkerabatan sedarah yang paling rapat di kalangan perempuan sahaja. Jadi, untuk mengekalkan kedudukan harta ini pula, apabila seseorang perempuan yang memilikinya meninggal dunia mestilah dibahagikan kepada anak-anak perempuannya sama banyak. Sekiranya ia tiada mempunyai anak perempuan, terpaksa sah diserahkan kepada saudara dalam Perut dan Sukunya.

Dengan adanya penentuan yang harta pesaka itu boleh berpindah kepada saudara mara dalam Perut atau Suku, sering pula berlaku bahawa si perempuan yang tidak mempunyai anak perempuan, mengambil "Anak Angkat". Ada yang mengambil anak perempuan dari Suku warisnya sendiri, ada dari Suku yang lain dan ada pula dari anak bangsa lain. Anak Angkat dari Suku lain atau dari bangsa lain, terpaksa dimasukkan dalam Suku perempuan itu sendiri melalui upacara "Berkedim"; kerana dari upacara inilah nanti anak itu dibenarkan oleh Adat menerima pesaka.

Di sini nyatalah betapa pentingnya sesuatu keluarga dalam masyarakat "Adat Perpatih" mempunyai anak perempuan, kerana setiap harta pesaka yang dianggap paling murni itu cuma dapat dipertahankan atau dikekalkan melalui anak perempuan.

Sebab-sebab harta pesaka itu terserah kepada anak perempuan, tiadalah diketahui sumber sejarahnya yang konkrit. Ini kerana apa yang menjadi pegangan kepada masyarakat Adat Perpatih itu selama ini hanyalah dari peristiwa yang terdapat unsur-unsur legenda dan methos semata-mata.

Rasanya, ada baiknya disoroti kembali lintasan sejarah Adat tersebut. Ini kerana selain dari dapat memahami punca harta pesaka itu menjadi hak anak perempuan, akan dapat juga diketahui punca berkembangnya Adat Perpatih itu dari daerah kelahirannya, Minangkabau.

Di negeri Padang Luas, Pagar Ruyung, ada seorang rajanya bernama Raja Mahmud. Baginda mempunyai tiga orang anak; dua lelaki dan seorang perempuan. Yang sulung bernama Sri Temenggung, yang tengah bernama Sri Mara Perpatih dan yang bongsu bernama Putri Sri Banum.

Setelah ketiga-tiganya meningkat remaja, tiba-tiba Raja Mahmud gering lalu mangkat. Persetujuan pembesar-pembesar negeri pun diambil untuk melantik Sri Mara Perpatih menggantikan takhta kerajaan; tetapi Sri Temenggung menentang kerana ia sendiri berkehendakkan tempat tersebut. Bagi mengatasi masalah ini, langkah bertolak ansur telah dibuat. Sri Mara Perpatih dan Sri Temenggung bersetuju menyerahkan takhta kerajaan negeri itu kepada Sri Banum, sebaik sahaja dikahwinkan dengan Raja Hindi.

Tetapi Raja Hindi sendiri enggan menerimanya, dengan alasan

baginda tidak mengetahui Adat Istiadat Padang Luas itu. Oleh itu dengan persetujuan Putri Sri Banum, lalu diserahkannya kuasa pemerintahan kepada Sri Mara Perpatih dan Sri Temenggung sahaja. Langkah ini tidak juga berjaya menjamin perpaduan, kerana masing-masing mempunyai daerah pemerintahan dengan dasarnya yang tersendiri.

Datuk Temenggung mempunyai hak pemerintahan di daerah persisiran negeri itu, sebagai yang ditegaskan:

*Ke Laut Datuk Temenggong
tempat perahu nan hilir mudik
dayung nan betimbuk
galah nan sandar-menyandar.*

Dalam menjalankan pemerintahan terhadap rakyatnya, beliau berpegang kepada dasar "tanggungjawab individu" sebagaimana yang ditentukan dalam perbilangannya:

*Siapa menjala dia terjun
siapa berhutang dia membayar
siapa mengigit dia kena gigit
siapa membunuh dia kena bunuh.*

Datuk Perpatih mempunyai hak memerintah di daerah daratannya yang ditegaskan pula dengan:

*Ke darat Datuk Perpatih
tempat siamang bertepuk
tempat ungka berbunyi pagi
tempat sedengkang berbunyi malam;
padang ke hilir batangnya tak terlintang*

Untuk menjalankan pemerintahan, Datuk Perpatih lebih mementingkan rasa kemanusiaan yang penuh simpati; dengan itu segala persoalan dan masalah dalam masyarakatnya akan menjadi "tanggungjawab bersama". Ini ditentukan dalam perbilangannya:

*Hutang berturut cagar bergadai
salah bertimbang,
cincang pampas
bunuh beri balas
anak dipanggil makan
anak buah disorong balas.*

Kemudian setelah beberapa lama wujudnya dasar pemerintahan yang saling bertentangan ini, berlaku pula peristiwa yang melibatkan secara langsung kedua pemerintah itu. Kononnya, pada suatu masa anjing Datuk Perpatih telah menggigit anak Datuk Temenggung. Dengan itu Datuk Temenggung lalu memukul anjing tersebut. Apabila hal ini diketahui oleh Datuk Perpatih, beliau pun mencabar Datuk Temenggung kenapa tidak menggigit anjing itu, sebab dasarnya sendiri "Siapa menggigit dia kena gigit".

Dari kata-kata in timbul kemarahan Datuk Temenggung sebagai melindungi kelemahan sistem pemerintahannya sendiri yang telah mula disedarinya. Walau bagaimanapun mereka kedua telah pergi menemui Raja Hindi meminta pengadilan. Dalam pertemuan itu Raja Hindi menegaskan peristiwa itu tidak dapat dielakkan dan tidak boleh pula disalahkan mana-mana pihak, kerana demikianlah akibatnya kalau "perahu dua nakhoda negeri dua raja."

Raja Hindi menasihatkan supaya mereka meninggalkan negeri Padang Luas, pergi belayar membuka negeri yang baru. Nasihat ini telah dipersetujui, kerana mereka faham bahawa itulah sahaja jalan yang sebaik-baiknya untuk mengelakkan sengkita adik-beradik menjadi berpanjangan.

Akhirnya, Datuk Perpatih dan Datuk Temenggung pun menyediakan bahtera masing-masing. Apabila sampai ketika yang baik mereka pun bersiap hendak balayar. Kononnya, bahtera Datuk Temenggung selamat dilancarkan ke laut terus belayar; tetapi malangnya bahtera Datuk Perpatih tidak mahu bergerak dari pantai untuk dilancarkan, sehingga beberapa ramai rakyat menolongnya tidak juga berjaya.

Pada malamnya Datuk Perpatih bermimpi bahteranya yang bernama "Geliong Panjang" itu tidak dapat dilancarkan ke laut kerana telah dipanah oleh "Jin Sakti Muno" (Sakti Muna). Untuk melancarkannya terpaksa digalangkan di bawah bahtera itu perempuan yang mengandung sulung.

Esoknya, peristiwa dalam mimpi itu pun dipersembahkannya ke pengetahuan Raja Hindi. Apabila hal ini diberitakan kepada Raja Hindi, lalu baginda menitahkan mencari perempuan yang mengandung sulung. Tetapi di negeri Padang Luas itu hanya ada dua orang, iaitu anak Datuk Perpatih sendiri dan anak adiknya, Puteri Sri Banum.

Dengan itu Raja Hindi meminta supaya anak Datuk Perpatih bersedia menjadi penggalang bahtera ayahnya. Tetapi permintaan itu tidak dipersetujui oleh anaknya dengan alasan berpegang teguh kepada dasar pemerintahan ayahnya: "Anak sendiri diberi makan, Anak Buah disorong balas". Mendengarkan kata-kata ini, anak Puteri Sri Banum telah bersetuju menggantikannya, demi untuk "menebus maruah dan menghapuskan arang di muka bapa saudaranya".



Mengikut riwayat selanjutnya, semasa anak Puteri Sri Banum digalangkan di bawah bahtera itu, ia telah terselamat kerana dengan takdir Tuhan bahtera tersebut tiba-tiba melompat ke perairan. Kemudian anak Puteri Sri Banum itu pun melahirkan seorang anak laki-laki. Apabila disampaikan ke pengetahuan Datuk Perpatih, anak itu pun dinamakannya “Batrin Menggalang”. Maka terisilah dalam kepercayaan masyarakat kemudiannya bahawa nama itulah merupakan “semangat yang mengkeramatkan” Adat Perpatih.

Setelah selesai barulah Datuk Perpatih meneruskan pelayarannya. Dalam pelayaran itu beberapa negeri telah disinggahnya, antaranya, Siak, Muar lalu ke beberapa daerah di Negeri Sembilan. Setelah beberapa lama di negeri itu, mulalah Datuk Perpatih menyusun pemerintahan (Adat), yang akhirnya ditegaskan kepada rakyat, bahawa segala harta pesaka hendaklah diberikan kepada perempuan dengan gelaran “Waris Pesako” (Pesaka) iaitu orang yang telah rela memberikan pengorbanan nyawa menjadi penggalang bahtera dahulu. Demikian riwayatnya.

Walaupun peristiwa yang diriwayatkan itu merupakan “pre-logical mentality”, namun dari masa ke masa telah menimbulkan keyakinan yang mendalam pada sikap hidup masyarakat Adat Perpatih itu. Kemudiannya dari segi penyerahan harta ini telah terbentuk pula peraturan yang baik, antaranya:





Untuk menjamin keselamatan kaum perempuan dalam menghadapi tuntutan keperluan hidup yang begitu kompleks ini, kaum perempuan menjadi tempat saudara-mara menumpang dan berindung, khususnya saudara laki-laki sebagai yang disebutkan dalam perbilangannya:

*Dahaga tempat meminta air
Lapar tempat meminta nasi
Mengantuk tempat meminta bantal
Semasa pening minta bela peliharaan
Mati minta di kebumikan.*

Tetapi ahli-ahli antropologi sosial tidak dapat menerima hal ini sebagai suatu kenyataan yang boleh dipegang. Mereka berpendapat dengan menitikberatkan pemberian hak kepada perempuan seperti dalam Adat Perpatih itu adalah merupakan “Sistem ibu sebagai ketua keluarga”, satu-satunya sistem yang awal wujudnya dalam kehidupan masyarakat manusia. Sebagai suatu masyarakat yang asal pula tentulah agak kelamkabut bentuknya, di mana setiap anggota masyarakatnya lebih senang mengenal “siapa ibu” seseorang anak daripada “siapa bapanya”. Jadi, atas sebab-sebab inilah soal penerimaan warisan dengan sendirinya mengikut sebelah ibu seperti dalam hak menerima harta pesaka ini.

Bukanlah di luar kemungkinan pula apabila adanya kebenaran pendapat ahli-ahli antropologi sosial ini, maka sistem pembahagian harta pesaka dalam Adat Perpatih yang diterima sejak abad ke 15 dahulu, telah menimbulkan satu tanggapan yang baru di kalangan penganutnya, di mana sedikit sebanyak telah menampakkan gejala-gejala yang kurang menyenangkan.

Lebih-lebih lagi dalam kehidupan moden sekarang, penerimaan peradaban Barat yang lebih individualistik dan materialistik itu semakin meluas pandangan dan sikap hidup masyarakat menjadi begitu keritikus pula. Dalam menerima sesuatu perubahan mereka mahu mencari kebenaran.

Dari keadaan inilah timbul beberapa kontra terhadap sistem pembahagian harta pesaka ini. Penyerahan secara mutlak hanya kepada perempuan sahaja dianggap dan disedari bertentangan benar dengan:

Adat bersendi syarak

Syarak bersendi kitabullah.

Demikianlah juga hal “Berkedim” iaitu mengambil anak angkat. Ditinjau dari segi penerimaan hak, lebih dirasakan ketidakadilannya dan telah menyeleweng dari dasar:

Cucuran air ke laut

Cucuran harta ke tuan.

Kesedaran dari dua perkata ini sering menularkan krisis dalam keluarga. Hubungan adik-beradik menjadi renggang kerana dibendung oleh rasa kecil di hati. Pernah jua, kerana didorong oleh

perasaan yang tidak terkawal menimbulkan rasa dendam yang berpanjangan di mana ia akan merupakan “duri dalam daging” pula.

Satu Pandangan Mengenai Adat Perpatih

Kebanyakan orang ramai sudah mengetahui apakah dia Adat Perpatih, melalui bacaan dari buku-buku kebudayaan atau melihat dengan kaca-mata sendiri, tetapi mereka tidak dapat mengetahui dengan secara mendalam perjalanan adat ini. Adat ini sebenarnya terdapat di Negeri Sembilan sahaja, kerana kebanyakan penduduknya adalah keturunan Minangkabau, satu daerah di Sumatra. Jadi tidak hairanlah mengapa Adat Perpatih diamalkan di Negeri Sembilan ini sedikit sebanyak terdapat persamaan dengan Adat Perpatih di Minangkabau. Bagi mereka yang tertakluk di bawah Adat Perpatih ini menganggap adat ini kurang adil. Kita tidak tahu di mana tidak adanya keadilan adat ini.

Jika dengan hanya menunjuk dan memperkatakan tentang nilai-nilai keadilan sosial yang wujud di dalam hukum-hukum Adat Perpatih itu sahaja, tentulah tidak dapat memberikan suatu gambaran yang jelas, kiranya latarbelakang keadaan struktur dan organisasi Masyarakat Perpatih itu sendiri, tidak dijelaskan terlebih dahulu.

Pernah kita mendengar, kalau tidak pun terjumpa di dalam buku-buku, kata-kata berbilang ini:

*Alam beraja,
Luak berpenghulu,
Lembaga berlingkungan,
Anak Buah berbuaapak.*

Dengan kata-kata ini, sekurang-kurangnya telah menampakkan dua perkara; pertama, batas-batas sempadan di mana seseorang itu dapat bertindak, mengikut kekuasaan-kekuasaan yang ada padanya; kedua siapa yang mempunyai kuasa dari segi politiknya, dengan menentukan kedudukan dan peranan masing-masing.

Sebenarnya, unit masyarakat yang paling kecil di dalam sistem Adat Perpatih ialah KELUARGA. Dari satu keluarga itu, akan wujud pula beberapa CARAK kemudiannya, yang jurai keturunannya berbentuk Berketurunan Ibu iaitu Jurai Keturunan yang disusur-galurkan mengikut sebelah ibu. Keturunan yang dimasudkan ke-

mudiannya, seterusnya adalah dari carak-carak tadi, akan membentuk pula satu gabungan kekeluargaan yang lebih besar, dipanggil PERUT dengan diketuai oleh salah seorang anggota Perut dengan gelaran BUAPAK. Dan gabungan daripada beberapa Perut, yang mengakui sama nenek moyangnya, akan mewujudkan pula satu bentuk kekeluargaan yang lebih besar lagi, dinamakan SUKU yang diketuai oleh salah seorang anggota Suku itu, dengan gelaran LEMBAGA.

Dengan lain-lain perkataan, tiap-tiap anggota Suku itu adalah mengakui, bahawa mereka adalah berasal dari satu nenek moyang yang sama, walaupun mereka tidak tinggal di satu tempat yang sama. Lembaga yang mengetuai satu-satu Suku itu adalah dipilih dan dilantik oleh anggota-anggota Suku itu sendiri secara bergilir-gilir mengikut Perut-Perut yang membentuk Suku itu tadi.

Seseorang Lembaga itu mempunyai kekuasaan bertindak, hanya di dalam Sukunya sahaja. Inilah yang merupakan batas kawasan kekuasaannya yang selalunya diistilahkan dengan kata LINGKUNGAN. Kawasan yang lebih besar dinamakan LUAK, yang merupakan satu daerah, diketuai pula oleh sidang pembesar yang dipanggil UNDANG atau kadang-kadang disebut juga Penghulu. Walaupun satu-satu luak itu terdiri daripada beberapa Suku yang berbeza-beza, namun yang berhak menyandang kedudukan sebagai Undang itu ialah salah seorang daripada anggota Suku, yang dinamakan WARIS BIDUANDA, kerana mereka adalah merupakan orang asal Negeri Sembilan. Gabungan dari luak-luak yang disebutkan tadi akan mewujudkan pula sebuah negeri, di mana simbol perpaduan rakyatnya, yang terdiri daripada berbagai-bagai Suku itu ialah RAJA, yang bergelar Yang di Pertuan Besar.

Oleh kerana itulah susunan kekuasaan dan kedudukan politik seseorang pembesar itu, ditentukan mengikut Perbilangan ini:

Di atas Raja,

Di tengah Undang,

Di bawah Lembaga,

Raja berdaulat dalam Alamnya,

Penghulu Undang berdaulat dalam Luaknya,

Lembaga bernobat dalam Anak Buahnya.

Sesuatu keputusan atau ketentuan yang akan diambil di dalam

menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan peraturan-peraturan atau hukuman-hukuman, biasanya tindakan-tindakan akan dibuat melalui saluran-saluran yang tertentu, mengikut batas-batas lingkungan kekuasaan yang tertentu pula. Lazimnya, saluran-saluran itu bermula dari peringkat yang paling rendah, membawalah ke peringkat yang paling atas, hinggalah masalah itu dapat diselesaikan. Prinsip-prinsip mencari keadilan yang selalu dipakai ialah:

*"Kata bercarian, pada Anak Buah,
Sah-batal, kepada Lembaga,
Kata bercarian, pada Lembaga,
Sah-batal, kepada Undang,
Kata bercarian, pada Undang,
Sah-batal, kepada Keadilan (Raja).*

Dari tiga rangkap kata perbilangan yang telah dikemukakan di atas, haruslah, gambaran garis kasar struktur yang membentuk masyarakat dalam sistem Adat Perpatih, telah jelas kelihatan, sekurang-kurangnya, telah menampakkan tiga perkara.

Perkara pertama, setakat mana kawasan dan batasan-batasannya, seseorang itu ditempatkan di dalam susunan masyarakat.

Perkara kedua, di mana dan sejauh mana pula, kekuasaan yang ada pada seseorang itu untuk bertindak dalam masyarakatnya.

Perkara ketiga, bagaimana sesuatu tindakan itu dibuat dan diambil, dan setakat mana pula tindakan-tindakan itu dapat disalurkan mengikut lunas-lunasnya.

Dengan kata-kata lain, dapat dirumuskan bahawa, dari kata-kata perbilangan tadi, secara umumnya telah menampakkan kedudukan dan peranan seseorang individu itu di dalam masyarakatnya, yang dengan sendirinya pula membentuk satu struktur masyarakat dan organisasinya. Untuk mewujudkan keadaan stabil dan berperaturan di dalam masyarakat sistem Perpatih, adat telah memainkan peranannya di dalam segala institusi-institusi yang ada di dalam masyarakat itu. Melalui institusi ini pulalah segala unsur adat itu disalurkan yang bertindak sebagai salah satu alat untuk mengawal perlakuan-perlakuan manusianya. Oleh kerana adat itu memainkan peranan di dalam masyarakat sistem Perpatih, maka ia dinamakan ADAT PERPATIH.

Walaupun ramai orang telah memperkatakan tentang Adat Perpatih ini dari beberapa aspek dan jurusan, namun masih besar lagi bilangan orang yang samar-samar, walaupun tidak, tersalah dalam memberikan konsepnya. Terdapat kebanyakan orang, bila menyebut Adat Perpatih, apa yang terlintas pada fikiran mereka hanya tentang bentuk turunan dari ibu, bentuk organisasi yang mana ibu menjadi ketua dalam sesuatu keluarga. Dan bila mereka meneliti pula perbilangan-perbilangan Adatnya, yang merupakan aturan dan peraturan hidup sistem ini, kerap kali pula berlaku pentafsiran yang kurang tepat, walaupun tidak, tersalah langsung.

Adat Perpatih itu pada istilahnya adalah satu anutankata, sesungguhnya satu ANUTAN, bagi gulungan masyarakat yang mengetahuinya. Sedangkan istilah PERPATIH itu sendiri adalah merupakan nama bagi manusia yang mempelopori sistem hidup itu. Segala peraturan serta hukuman yang diwujudkan di dalam sistem ini, yang bertujuan untuk membendung perlakuan-perlakuan dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan anggota masyarakatnya, adalah dinamakan ADAT. Oleh kerana itu, apa yang akan dititik-beratkan dalam pembicaraan ini selanjutnya ialah tentang Adatnya itu sendiri.

Umum mengetahui bahawa Adat itu adalah merupakan peraturan hidup manusia. Tetapi, apa yang kurang difahami orang ialah hakikat Adat itu sendiri, baik dalam tafsirannya mahupun dalam bentuk dan keadaannya. Sebenarnya, adat itu merangkumi empat bentuk dan keadaan, dalam kewujudannya, iaitu:

ADAT yang sebenarnya adat
ADAT yang diadatkan
ADAT yang teradat
ADAT istiadat.

“Adat yang sebenarnya adat,” adalah merupakan suatu aturan masyarakat yang wujud pada awalnya, dengan berasaskan kenyataan-kenyataan Alam. Dari keadaan Alam yang wujud itu telah memberi pengalaman dan pengajaran kepada manusia dalam hidupnya dan dari pengalaman dan pengajaran Alam itu pulalah manusia membentuk dirinya, perlakuan dan jiwanya dalam memenuhi keperluan hidup hari-hari, hingga menjadi satu kelaziman. Hal ini pernah dikatakan dalam perbilangan Adat sebagai:

*Pendek pisau seraut,
Ambil galah batang lintabung,
Nan setitik, dijadikan laut,
Nan sekepal, dijadikan gunung,
Alam terbentang, dijadikan guru.*

Setelah datang pengaruh Islam, Adat yang sebenarnya adat itu, telah disesuaikan pula dengan keadaan baru ini, di mana dia telah merupakan aturan-aturan yang seharusnya menuntut bukan sahaja garis-garis dan asas-asas ajaran Islam tetapi juga merangkum sifat-sifat kemanusiaan, keadilan dan kesusilaan hidup. Di dalam kata-kata perbilangan Adat ada disebutkan hal ini dengan terangnya, yang berbunyi:

*Adat bersendi hukum,
Hukum bersendi kitabullah,
Kuat adat, tak gaduhkan hukum,
Kuat hukum, tak gaduhkan adat.
Ikut hukum, maufakat,
Ikut adat, maufakat.*

Bagaimana pula dengan kehendak “Adat yang diadatkan” sebenarnya? Ini adalah merupakan peraturan-peraturan yang dibentuk, dengan berasaskan pengalaman-pengalaman yang diperoleh dari Adat yang sebenar adat tadi; setelah itu dilukiskan pula dalam bentuk pepatah atau perbilangan atau dikenal juga dengan panggilan teromba. Jadi, teromba atau perbilangan ini sebenarnya, adalah merupakan satu bentuk undang-undang yang tidak dikanunkan, dan ia disampaikan serta diperturunkan dari mulut ke mulut, dari jenerasi ke jenerasi dengan dibuat penyesuaian dengan keadaan semasa.

Segala-segalanya itu menyentuh soal-soal hidup bermasyarakat yang melibatkan bidang-bidang politik, ekonomi, sosial, kepercayaan, pendidikan dan sebagainya.

Manakala “Adat yang beradat” pula adalah merupakan satu aturan yang sengaja diadakan oleh ketua-ketua wilayah atau daerah, samada oleh Undang ataupun Penghulu, yang merupakan satu perancangan untuk melaksanakan Adat yang diadatkan itu, yang bertujuan membimbing masyarakat dalam kegiatannya bagi

mencapai tujuan-tujuan baik di dalam masyarakat. Di dalam konteks ini mungkin timbul sedikit sebanyak perbezaan, di antara satu wilayah dengan satu wilayah yang lain, kerana mengikut sesuai tidaknya dengan tempat-tempat tersebut. Bagaimanapun, pada dasarnya, aturan-aturan itu tidak terkeluar juga dari kehendak-kehendak adat yang diadatkan tadi, yang merupakan teras di dalam hukum-hukum peraturan Adat Perpatih oleh kerana itulah kita dapati perbilangan yang menunjukkan hal ini, iaitu:

*Adat sepanjang lana, bercupak sepanjang betong,
Lain lubuk lain ikan, lain padang lain belalang,
Lain negeri lain adatnya, ADAT senegeri-negeri.*

Jadi, anggapan yang mengatakan bahawa Adat Perpatih itu suatu yang beku dan kaku, sebenarnya kurang tepat, kerana, mengikut prinsipnya, di dalam 'Adat yang teradat', jelas menampakkan yang Adat itu mempunyai kesanggupan untuk menyesuaikan diri dengan situasi dan keadaan setempat dan semasa. Pada perbicaraannya, masih dapat dipraktikkan lagi hingga sekarang, walaupun di sana sini telah diwarna-warnikan. Kerana itulah juga pernah dikatakan Adat yang

*Tak lapuk dek hujan,
Tak lekang dek panas.*

Kalau ditinjau pula satu aspek yang lain, "Adat istiadat" akan menampakkan satu pola perlakuan anggota masyarakat, di dalam satu-satu kelompok, wilayah atau negeri. Dia lebih merupakan kebiasaan yang digemari dan diiktiraf oleh masyarakat.

Setakat ini kita telah mendapat satu gambaran struktur masyarakat yang wujud di dalam sistem Perpatih dan apa pula alat-alat yang mengawal anggota-anggotanya bertindak melalui hukum-hukum adatnya, yang dikenali dengan panggilan perbilangan atau teromba.

Di dalam mentafsirkan kehendak-kehendak dan maksud kata-kata perbilangan atau teromba inilah, yang selalu menimbulkan kekeliruan, khususnya oleh orang-orang yang kurang memahami struktur dan organisasi Adat Perpatih itu sendiri, kerana kita bukan sahaja perlu memahami apa yang tersurat malah yang tersembunyi di sebaliknya.

Selalu benar ditanyakan orang, sejauh manakah nilai-nilai Adat Perpatih itu dapat memberikan sumbangannya dalam pengawalan struktur dan organisasi masyarakat, khususnya masyarakat penganutnya sendiri.

Bagi meneliti dan menganalisa perkara ini dengan lebih mendalam, kita harus meninjau nilai-nilai kekuasaan yang ada pada golongan-golongan anggota masyarakat Perpatih itu dan peranan mereka masing-masing.

Satu perkara yang penting dan yang harus difahami dalam struktur Adat Perpatih ialah tentang adanya dua golongan orang di dalam sistem hubungan kekeluargaan mereka, iaitu "Orang Semenda" dan "Tempat Semenda".

Telah umum diketahui bahawa masyarakat Perpatih di Negeri Sembilan mengandungi dua belas Suku, yang mengamalkan sistem perkahwinan yang berbentuk "exogamy". Bagi seseorang yang mendatang ke dalam satu-satu Suku yang lain daripada Sukunya sendiri, melalui perkahwinan, maka ia dipanggil "Orang Semenda". Sementara anggota-anggota Suku yang didatangi itu pula, disebut "Tempat Semenda". Tetapi, oleh kerana sistem tempat kediaman di dalam masyarakat Perpatih itu berbentuk "matrolocal," maka yang paling dititik-beratkan dalam konsep Orang Semenda dan Tempat Semenda itu ialah golongan lelaki. Dengan lain-lain perkataan dapat difahamkan bahawa, suami-suami adalah menjadi Orang Semenda kepada anggota-anggota Suku isterinya. Manakala saudara-saudara lelaki si isteri khususnya, dan lain-lain anggota suku si isteri itu umumnya adalah merupakan sebagai Tempat Semenda.

Tiap-tiap golongan, baik pun Orang Semenda, mahupun Tempat Semenda, mempunyai hak, tanggungjawab dan kekuasaan masing-masing, yang jelas menunjukkan unsur-unsur semangat bekerjasama dalam segala hal. Di dalam perbilangan Adat ada ditunjukkan hal ini, dengan kata-kata:

*Orang Semenda, seredam,
Tempat Semenda, seadat,
Buat seorang, buat semua,
Berjalan serentak, melenggang seayun,
Lemah melapis, condong menumpang.*

Bagaimanapun, tiap-tiap golongan itu ada batas-batas kekuasaan dan pantangnya sendiri, yang tak boleh dilampaui. Hal ini penting, kerana selain daripada menjaga kepentingan kerjasama ia juga untuk mewujudkan kesetabilan dan peraturan di dalam masyarakat itu sendiri.

Bagi orang Semenda pula pantang yang tak boleh dilakukannya ialah:

Diberi, diambil balik
Beruja, berpegang ekor.
Melintasi, kepada ladang.

Maksudnya amat jelas menunjukkan yang hak, kekuasaan dan tanggungjawab yang diberikan kepada Orang Semenda itu, bukanlah suatu yang boleh dipermudahkan atau diambil semula dengan sewenang-wenangnya oleh Tempat Semenda. Dan, Tempat Semenda juga tidak boleh menunjukkan rasa ragu-ragu, tidak mempercayai dan tidak boleh bertindak di luar batas-batas kekuasaan mereka, terhadap Orang-orang Semendanya.

Dari gambaran yang telah diberikan di atas, suatu hal yang nyata ialah, kekuasaan itu memang ada diberikan kepada kedua pihak yang bertanggungjawab menghormati hak-hak kekuasaan masing-masing, demi untuk menjaga semangat perpaduan dalam hubungan Suku masing-masing.



ILMU MEMIMPIN

**HAK MILIK
PERPUSTAKAAN
TUN SERI LANANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

1. Adat Perpatih

Adat perpatih ini adalah adat yang dipakai oleh kebanyakan orang Melayu di Negeri Sembilan dan juga Naning di dalam negeri Melaka.

Sebenarnya istilah *adat* dalam rangkaian kata *Adat Perpatih*, membawa makna yang luas dan pengertian yang dalam. Adat Perpatih itu bukan sahaja tatatertib dan peraturan yang bersangkut paut dengan kebiasaan-kebiasaan dan kelaziman yang kecil seperti adat mengerat pusat, adat mencukur anak dan lain-lain, malah ia merupakan segala peraturan dari yang kecil kepada yang besar termasuklah undang-undang mengenai pentadbiran dan pemerintahan negeri.

Tegasnya Adat Perpatih adalah lengkap dengan segala tatatertib, segala peraturan dan segala undang-undang atau lebih tepat lagi merupakan seolah-olah satu perlembagaan.

Adat Perpatih berasal dari Minangkabau, sebuah negeri yang terletak di sebelah barat Pulau Sumatra, Indonesia. Tempat ini ada diceritakan dalam pantun di bawah ini:

*Aku hilir ke Inderagiri,
Semalam di Padang Panjang,
Di mana adat mula berdiri,
Di Periang, Padang Panjang.*

('Periang, Padang Panjang' ialah nama tempat di dalam negeri Minangkabau).

Menurut sejarah beratus-ratus tahun dahulu ramai orang Minangkabau pergi merantau meninggalkan tanahair mereka. Di antara mereka itu ada yang sampai ke Semenanjung Tanah Melayu. Orang-orang Minangkabau ini membuka negeri-negeri baru di kawasan